

Kerajaan jangka kos meningkat kepada RM80 bilion setahun pada tahun 2020

Belanja kesihatan melonjak

Oleh NORAINI HASSAN BASRI

KUALA LUMPUR – Perbelanjaan industri penjagaan kesihatan di negara ini dijangka mencecah RM80 bilion menjelang 2020 berbanding RM52 bilion pada akhir tahun lepas.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, peningkatan tersebut didorong oleh permintaan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kemunculan model-model penjagaan baharu yang terdapat dalam pasaran di hospital sekarang.

“Sebagai contoh, sensor tanpa wayar digunakan untuk merekod dan menghantar maklumat pesakit dengan lebih kerap berbanding lawatan katil yang dilakukan oleh staf.

“Isyarat-isyarat ini boleh memberikan amaran masa sebenar kepada jururawat atau doktor yang membolehkan respon's lebih pantas sekiranya berlaku perubahan tidak dijangka,” kata beliau semasa berucap merasmikan Ekspo Peranti Perubatan Malaysia (MYMEDEX) 2018 dan mesyuarat tahunan Pengharmonian Kerja Asia ke-23 di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini semalam.

MYMEDEX 2018 yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam menyediakan 100 gerai pameran merangkumi



DZULKEFLY (dua dari kiri) merasmikan Ekspo Peranti Perubatan Malaysia 2018 dan mesyuarat tahunan Pengharmonian Kerja Asia ke-23 di Kuala Lumpur semalam.

teknologi inovasi terkini dan peranti perubatan global.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chen Chaw Min dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Ahmad Shariff Hambali.

Menurut beliau, perkembangan tersebut memberikan cabaran serta peluang kepada industri kesihatan negara dan kerajaan juga perlu mempunyai strategi yang dapat memastikan kesediaan pembiayaan serta tenaga manusia yang mampan.

“Keadaan iklim ekonomi serta kewangan semasa memberikan

cabaran yang besar kepada sistem penjagaan kesihatan dan mujur ada sokongan berterusan daripada kerajaan bagi menampung keperluan industri tersebut,” katanya.

Dalam pada itu, menurut Dzulkefly, industri peranti perubatan muncul sebagai industri yang pantas berkembang di negara ini sehingga Malaysia dikenali sebagai peneraju dunia dalam produk berasaskan getah seperti sarung tangan perubatan, kondom dan kateter (tiub lembut) yang menyumbang kepada kira-kira 85 peratus daripada jumlah eksport.



PENINGKATAN masalah jantung memerlukan kaedah perubatan yang lebih inovatif sekali gus meningkatkan kos penjagaan kesihatan di negara ini. – Gambar hiasan

Selain itu, katanya, Malaysia turut mengeluarkan peranti perubatan lain termasuk picagari, jarum, kit prosedur, instrumen pembedahan dan pergigian, produk daripada plastik, silikon serta pancalogam.

“Industri peranti perubatan telah mengalih tumpuan kepada spektrum produk lebih bernilai tinggi serta mempelbagai kepada subsektor lebih menguntungkan yang akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan pada masa depan.

“Industri ini merangkumi lebih 200 pengeluaran dengan

melibatkan pelaburan sebanyak RM14.2 bilion, menjadikan Malaysia sebagai hab pembuatan peranti perubatan global pada masa akan datang,” ujarnya.

Sementara itu, Dzulkefly berkata, sehingga kini Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah mengeluarkan lebih 2,300 lesen iaitu 340 pengeluar, 1,500 wakil sah serta 600 pengedar dan pengimport peranti perubatan di negara ini.

“Sejak penguatkuasaan Akta Peranti Perubatan pada 2013, hampir 580,000 peranti perubatan telah didaftarkan di bawah MDA,” katanya.